


■ Kementerian  
Kewangan  
muncul  
pemenang  
Anugerah Inovasi  
Perdana Menteri

Oleh Fuad Hadinata Yaacob  
dan Siti A'isyah Sukaimi  
am@hmetro.com.my  
**Putrajaya**

Pembukaan Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang menghimpunkan pelbagai jabatan serta agensi kerajaan di bawah satu bumbung sebagai inisiatif bagi memudahkan rakyat berurusan menjadi titik tolak kejayaan kepada Kementerian Kewangan apabila diumumkan sebagai pemenang Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2014.

Menerusi anugerah berkenaan, Kementerian Kewangan membawa pulang wang kemenangan RM1 juta bersama trofi serta sijil penghargaan.

Hadiyah disampaikan Perdana



NAJIB menyampaikan Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2014 kepada Dr Mohd Irwan Serigar (tiga dari kiri).

**"Kita sedang  
mengkaji  
pembukaan UTC  
di seluruh negara  
untuk  
kemudahan  
rakyat"**  
Dr Mohd Irwan Serigar

## HARIAN METRO – SABTU, 06/09/2014

### M/S: 15 (SETEMPAT)

Menteri Datuk Seri Najib Razak kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah pada Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Dr Mohd Irwan Serigar menyifatkan anugerah itu bukan hanya kejayaan kepada Kementerian Kewangan semata-mata, malah dirasai semua jabatan dan agensi kerajaan kerana UTC turut membabitkan pihak berkenaan.

"Pusat transformasi ini menghimpunkan pelbagai jabatan dan

agensi kerajaan seperti Klinik IMalaysia, Pejabat Pendaftaran, Jabatan Imigresen serta pelbagai utiliti untuk membayar bil selain khidmat daripada kerajaan negeri.

"Selain itu, konsep UTC bukan melalui pembinaan bangunan baru, tetapi ia mengambil alih bangunan lama yang tidak digunakan serta diubah suai menggunakan kos rendah dan disiapkan sekitar enam minggu," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian anugerah, semalam.

Dr Mohd Irwan Serigar berkata, sehingga kini lapan UTC sudah di-

bangunkan di seluruh negara dan pihaknya merancang untuk membuka tiga UTC lagi di negara ini.

"Kita sedang mengkaji pembukaannya di Kota Bharu, Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan selain lokasi lain di seluruh negara untuk kemudahan rakyat."

"Pada masa sama, kita juga akan memperluaskan lagi UTC di kawasan bandar dan kita juga mempunyai konsep Mini UTC di bandar kecil yang bakal dibuka di Sabah, Johor dan Sarawak," katanya.

Katanya, berdasarkan maklum balas dan kaji selidik yang dia-

lankan, pelbagai pandangan positif diterima daripada orang ramai berhubung kemudahan dan khidmat di UTC.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Kanan Unit Strategi Nasional Kementerian Kewangan Dr Ami-nuddin Hassim berkata, antara kejayaan membanggakan menerusi pembangunan UTC apabila pusat transformasi itu tidak 'putus-putus' menerima kehadiran pengunjung, pelawat dan pelanggan.

"Berdasarkan rekod, UTC menerima kehadiran 1.6 juta pengunjung tahun lalu dan ini memba-

bitkan enam UTC. Pada tahun ini, kita mempunyai lapan UTC dan sehingga Julai lalu, ia menerima kehadiran kira-kira 1.7 juta pengunjung.

"UTC di Sabah mencatatkan rekod tertinggi menerima kunjungan orang ramai iaitu 1.2 juta pelawat diikuti Perak dan Kedah malah dianggarkan 500,000 hingga 700,000 pengunjung mengunjungi UTC di Sabah berdasarkan anggaran bulanan dan 300,000 hingga 400,000 orang mengunjungi UTC di Perak berdasarkan purata bulanan," katanya.